

**PENTAKSIRAN UNTUK PEMBELAJARAN (PUP) Vs
PENTAKSIRAN KEPADA PEMBELAJARAN (PKP) DALAM
PENTAKSIRAN BERASASKAN SEKOLAH (PBS)
PENDIDIKAN SENI VISUAL**

***ASSESSMENT FOR LEARNING VS ASSESSMENT OF LEARNING IN
SCHOOL BASED ASSESSMENT IN VISUAL ARTS EDUCATION***

**Mazura Azeli
Jamilah Omar
Khatijah Md Saad**

Fakulti Seni, Komputeran dan Industri Kreatif, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjong Malim, Perak
mazura.azeli@yahoo.com

Accepted date: 30-09-2018

Published date: 15-12-2018

To cite this document: Azeli, M., Omar, J., & Saad, K. M. (2018). Pentaksiran untuk Pembelajaran (PUP) Vs Pentaksiran kepada Pembelajaran (PKP) dalam Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) Pendidikan Seni Visual. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3 (21), 94-100.

Abstrak: Pentaksiran dianggap sebagai sebahagian daripada kurikulum proses pengajaran dan pembelajaran. Pemilihan, akauntibiliti, pemulihan, diagnostik, dan bimbingan merupakan elemen penting pentaksiran bagi pembangunan pendidikan. Justeru, penambahbaikan sistem pentaksiran telah dibuat dengan pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah yang melibatkan proses kumpul maklumat yang autentik oleh guru secara formatif dan sumatif. Objektif kajian ini untuk melihat fenomena pentaksiran untuk pembelajaran (formatif) dan pentaksiran kepada pembelajaran (sumatif) dalam PBS Pendidikan Seni Visual di sekolah menengah rendah. Kajian dijalankan secara kualitatif melalui kaedah pemerhatian, temubual dan kajian dokumen. Dalam pentaksiran, proses keberhasilan sesuatu karya itulah yang merupakan aspek yang paling penting bagi seseorang murid untuk dinilai, Namun, dapatan kajian menunjukkan walaupun PBS sepatutnya lebih menekankan kepada Pentaksiran untuk Pembelajaran atau PUP (kognitif, psikomotor dan afektif), Pentaksiran Kepada Pembelajaran atau PKP (kognitif) masih diberi penekanan yang lebih dalam penilaian atas faktor jumlah pelajar, sikap guru, pengurusan dan persekitaran.

Kata Kunci: Pentaksiran Berasaskan Sekolah, Pendidikan, Pendidikan Seni Visual, Formatif, Sumatif, Guru.

Abstact: *Assessment is considered as part of the teaching and learning process in curriculum. Selection, accountability, recovery, diagnostics, and guidance are an essential element of assessment for educational development. Hence, the improvement of the assessment system has been made with the implementation of School Based Assessment (SBA) which involves the*

process of collecting authentic information by teachers in formative and summative. The objective of this study is to examine the phenomena of assessment for learning (formative) and assessment of learning (summative) in School Based Assessment in Visual Art Education in secondary schools. Qualitative research is conducted through observation, interview and document study. In the assessment, the process of success of a work is one of the most important aspects of a student to be evaluated. However, the findings show that although SBA should emphasize the Assessment of Learning (cognitive, psychomotor and affective), Assessment for Learning (cognitive) is still given greater emphasis on the assessment of the number of students, the attitude of teachers, the management and the environment.

Keywords: *School Based Assessment, Education, Visual Art Education, Formative, Summative, Teacher.*

Pengenalan

Sistem pendidikan pada hari ini jika dilihat dari awal menampakkan pelbagai perubahan dan telah mengalami pelbagai proses pembentukan sama ada dari aspek hala tuju pendidikan itu sendiri, pendekatan serta pedagogi yang digunakan. Kerajaan begitu komited dalam usaha memperkasakan sistem pendidikan di negara ini. Sistem pendidikan kini sedang mengorak langkah daripada sistem bersifat domestik ke arah yang lebih maju setaraf antarabangsa. Tidak dinafikan perubahan sememangnya perlu dilakukan bagi memantapkan lagi sistem pendidikan di Malaysia. Ini merupakan cabaran semasa pendidikan yang memerlukan komitmen yang besar dari semua pihak khususnya golongan pendidik. Pelaksanaan Sistem Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang baru bermula pada tahun 2011 secara tidak langsung telah mengubah corak pengajaran dan pembelajaran dalam semua mata pelajaran umumnya dan turut memberi kesan kepada subjek pendidikan seni visual khususnya. Teknik mengajar yang sering dipraktikkan oleh guru adakalanya perlu diubah untuk disesuaikan dengan sistem PBS. Walaupun sukatan pelajaran dan topik pengajaran yang diajar masih sama, namun setiap guru mempunyai teknik dan kaedah yang berlainan untuk digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran yang berbeza mengikut tahap murid.

Melalui PBS, pendekatan serta sistem penilaian juga berbeza mengikut topik yang diajar supaya berjaya merangsang kreativiti murid dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Menurut Joy M. Reid (2005) dalam buku *Leading the Way to Assessment for Learning: A Practical Guide* ada menyatakan bahawa sekiranya guru tidak ghairah tentang pembelajaran, maka mereka juga boleh dikatakan tidak ghairah mengajar murid untuk belajar. Guru merupakan idola pelajar yang merangsang murid untuk berminat dengan apa yang diajar oleh guru. Justeru, guru harus lebih kreatif dalam mengendalikan pengajaran dan pembelajaran dengan teknik yang berbeza dan mampu menarik minat murid untuk fokus dan meneruskan pembelajaran. Sistem penilaian pendidikan sebelum ini lebih berorientasikan peperiksaan dan penekanan terhadap pengetahuan teori kepada murid manakala melalui sistem PBS ini, peperiksaan bukan lagi instrumen pengukuran pelajar sepenuhnya. Sistem ini lebih menekankan penglibatan pelajar dalam setiap aktiviti yang dilakukan dan ianya dilakukan secara berterusan terhadap pelajar. Sistem pendidikan nasional sedia ada telah menekankan perkara ini dan menuntut kesediaan para pendidik untuk merealisasikan transformasi tersebut.

Mata pelajaran Seni Visual dipelajari oleh murid sejak di tahun satu sekolah rendah lagi. Pendidikan Seni Visual merupakan salah satu bidang pendidikan yang begitu luas pengertiannya. Subjek Pendidikan Seni Visual telah dicorakkan dengan pelbagai usaha untuk


memperkenalkan dan memperkukuhkan pelaksanaan bersepadu khususnya di peringkat awal persekolahan. Subjek Pendidikan Seni Visual bukanlah semata-mata bermatlamat melahirkan semua murid sebagai pelukis atau pereka seni sahaja. Keyakinan mewujudkan murid yang berdisiplin dan berbudaya dari aspek imaginatif, kreatif dan peka terhadap ciri-ciri estetika adalah landasan pembentukan selari dengan perancangan matlamat dan kurikulum PSV dan pelaksanaan subjek ini di sekolah (Ibrahim Hassan, Roskang Jailani; 2004). Justeru, aktiviti penghasilan karya seni murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran dapat dinilai melalui aktiviti-aktiviti yang telah dirancang oleh guru selain melihat kaedah dan pendekatan guru dalam merangsang kreativiti murid. Pembelajaran paling berkesan apabila berlaku dalam keadaan yang seronok (Peter Kline, 2005). Oleh yang demikian, guru harus bijak dalam menentukan aktiviti bagi menarik perhatian murid dan seterusnya dapat menjadikan proses pengajaran dan pembelajaran itu berjalan lancar dan menyeronokkan.

Selari dengan falsafah dan objektif pendidikan kebangsaan, Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) telah diperkenalkan pada tahun 1983 dan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (KBSM) pada tahun 1988. Melalui pelaksanaan kedua-dua dasar kurikulum tersebut, pentaksiran dapat dilihat dari perspektif yang lebih luas. Pentaksiran di anggap sebagai sebahagian daripada kurikulum, proses pengajaran dan pembelajaran serta memainkan peranan dalam proses pemilihan, akauntibiliti, pemulihan, diagnostik, bimbingan dan penentuan keperluan pembangunan pendidikan. Sebelum ini, sistem pentaksiran semasa adalah bertumpu kepada peperiksaan khususnya peperiksaan awam yang mendorong murid untuk lebih menumpukan pencapaian akademik dan berjaya dalam peperiksaan dengan hanya menilai produk akhir yang telah siap. Namun, dalam konteks Pendidikan Seni Visual, proses keberhasilan sesuatu produk atau karya itulah yang merupakan aspek yang paling penting bagi seseorang murid dan patut dinilai, bukan sekadar melihat sesuatu yang telah siap. Namun, elemen pentaksiran sebelum ini lebih memberi penekanan terhadap pemarkahan kepada karya akhir tanpa menilai proses pengkaryaan yang di lalui oleh murid dalam menyiapkan sesebuah karya. Tahap kemahiran yang berbeza pada murid menjadikan murid sukar diukur terhadap kemahiran masing-masing disebabkan pentaksiran yang kurang menyeluruh.

Elemen pentaksiran dalam karya seni visual bukan lagi berdasarkan kertas jawapan peperiksaan sebaliknya prestasi dinilai dan ditaksir sepanjang proses pembelajaran itu berlaku. Sistem pentaksiran berpusat (*centralize*) ini juga dilihat kurang memberi autonomi kepada guru dalam mentaksir murid yang mempunyai tahap dan kebolehan yang berlainan. Pentaksiran yang bersifat '*one size fits all*' ini telah mengabaikan aspek perbezaan antara individu dan secara tidak langsung telah membantutkan perkembangan murid secara holistik dari segi jasmani dan rohani. Fenomena ini sekali gus menyebabkan timbulnya persepsi dalam kalangan masyarakat umumnya dan ibu bapa khususnya yang melihat sekolah hanya berperanan sebagai institusi yang hanya menyediakan murid untuk menghadapi peperiksaan semata-mata dan murid hanya bersedia untuk menghadapi peperiksaan.

Sistem pentaksiran yang diamalkan kini lebih menjurus kepada *assessment of learning* atau pentaksiran kepada pembelajaran bukannya *assessment for learning* iaitu pentaksiran untuk pembelajaran seperti yang ditunjukkan pada rajah 1. Pentaksiran kepada pembelajaran melihat kepada aspek sumatif (kognitif). Manakala pentaksiran untuk pembelajaran merangkumi aspek formatif (kognitif, psikomotor, afektif). Guru mentaksir murid untuk mengukur pencapaian belajar dan tujuan penempatan, pemilihan serta penganugerahan sijil. Pentaksiran diukur berdasarkan markah yang diperoleh dalam peperiksaan. Peperiksaan pula menjadikan anak-anak belajar dan guru mengajar semata-mata berdasarkan kurikulum dan sukatan pelajaran

yang dibekalkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) sedangkan untuk menghasilkan modal insan yang cemerlang, potensi murid harus diperkembangkan dengan sepenuhnya dari pelbagai aspek oleh guru. Fenomena ini jelas menunjukkan bahawa sistem pentaksiran kini semakin tidak relevan kerana pembinaan modal insan secara holistik tidak diberi penekanan.



Rajah 1: Kerangka Konsep Kajian

Rentetan itu, kajian ini ingin; (1) mengenal pasti pelaksanaan proses pentaksiran dalam penghasilan karya catan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran murid, (2) mengenal pasti jenis pentaksiran yang digunakan oleh guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

Metodologi Kajian

Dalam kajian ini pendekatan kajian yang digunakan adalah secara kualitatif. Kaedah kajian yang digunakan ialah melalui kaedah pemerhatian, temu bual dan kajian dokumen. Kajian dijalankan di sebuah sekolah luar bandar di negeri Selangor. Seramai lima orang responden di kalangan guru opsyen Pendidikan Seni Visual telah terlibat secara langsung. Sampel kajian ini terdiri daripada pelajar-pelajar tingkatan dua dari lima buah kelas di sekolah berkenaan. Instrumen kajian ini adalah dalam bentuk pemerhatian, temu bual dan analisis hasil karya murid. Kaedah pemerhatian dan rakaman video di tapak kajian iaitu di Bilik Seni sekolah berkenaan dijalankan sebelum, semasa dan selepas aktiviti pengajaran dan pembelajaran seni halus catan. Temu bual yang dilakukan adalah berbentuk separa berstruktur dan tidak berstruktur berdasarkan pentaksiran Berasaskan Sekolah. Manakala hasil karya pelajar dianalisis bersama guru selepas aktiviti catan selesai dijalankan bagi melihat cara pentaksiran yang dijalankan.

Dapatan Kajian

Hasil kajian menunjukkan walaupun Pentaksiran Berasaskan Sekolah sepatutnya lebih menekankan kepada Pentaksiran Untuk Pembelajaran (kognitif, psikomotor dan afektif), Pentaksiran Kepada Pembelajaran (kognitif) masih diberi penekanan yang lebih oleh segelintir guru yang mengajar Pendidikan Seni Visual. Ini kerana, hasil pemerhatian dan temu bual yang telah dijalankan mendapati pentaksiran agar sukar untuk dijalankan secara menyeluruh disebabkan bilangan murid yang agak ramai di dalam sebuah kelas. Antaranya 38 sehingga 42 orang murid dalam satu kelas. Faktor ini juga memainkan peranan yang besar dalam proses pentaksiran dan dalam menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Guru tidak dapat memberi fokus yang lebih kepada setiap pelajar sama ada semasa teori atau pun semasa menjalankan aktiviti penghasilan. Kesannya, pentaksiran guru menjadi lebih bersifat PKP berbanding PUK atas faktor tersebut. Namun, ada juga guru yang bijak dan agak kreatif dalam

menjalankan aktiviti dengan menggunakan strategi dan pendekatan pengajaran yang pelbagai supaya semua murid dapat menjalankan aktiviti dan penilaian data dijalankan secara lebih efisien.

Selain itu, sikap guru juga banyak mempengaruhi proses pentaksiran yang berlaku. Antaranya dapat dilihat dalam kaedah dan pendekatan pengajaran yang digunakan dalam menjalankan aktiviti. Ada yang bersifat satu hala sahaja tanpa mempedulikan tahap kefahaman murid, kesediaan murid untuk memulakan pembelajaran, set induksi atau cara untuk menarik perhatian murid dalam memulakan pembelajaran juga tidak kreatif. Kesannya, murid dilihat tidak berminat dan ada yang membuat aktiviti mereka sendiri. Ini menunjukkan guru masih belum bersedia untuk menjalankan PBS dan masih kurang pengetahuan atau kefahaman berkaitan PBS yang sepatutnya memberi penekanan yang menyeluruh kepada pelajar berdasarkan tiga domain utama iaitu kognitif, psikomotor dan afektif. Tumpuan guru dilihat masih memberi penekanan utama kepada kognitif murid sahaja. Namun masih ada segelintir guru yang dapat mengenal pasti bakat dan pengetahuan sedia ada murid serta menilai murid mengikut tahap kemahiran masing-masing. Pentaksiran yang dibuat bukan sahaja pada karya akhir tetapi bermula dari proses awal penghasilan karya dengan menggunakan rubrik pemarkahan. Guru turut menilai aktiviti tingkah laku murid semasa aktiviti sedang dijalankan. Pentaksiran yang berbeza bagi setiap kelas mengikut tahap kemahiran murid masing-masing. Hasil temu bual dan soal selidik yang dijalankan mendapati guru dapat menjawab semua soalan berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada guru.

Aspek pengurusan dan persekitaran juga merupakan salah satu faktor dalam memastikan proses pentaksiran berjalan lancar. Hasil temu bual mendapati semua guru mempunyai masalah yang sama iaitu kekangan masa dalam menjalankan pentaksiran yang bersifat PUK. Ini kerana, bukan semua murid berada dalam tahap yang sama. Persekitaran murid berbeza-beza dan itu membawa impak yang besar dalam sesebuah kelas. Ini membawa kepada masalah dalam pelbagai aspek dalam menjalankan aktiviti yang ingin dijalankan, contohnya dari segi maklumat, peralatan dan pendedahan murid terhadap topik pengajaran dan pembelajaran. Guru perlu bijak mengatur masa supaya selari dengan aktiviti yang dijalankan supaya aktiviti pengajaran dan pembelajaran dapat diselesaikan mengikut waktu yang telah dirancang.

Implikasi

Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) merupakan satu kaedah penilaian yang dapat menilai keseluruhan aspek dalam pengajaran dan pembelajaran sesuatu subjek. Namun bentuk penilaian yang digunakan dalam menilai subjek Pendidikan Seni Visual dan proses penghasilan karya sebelum ini adalah berdasarkan aspek pentaksiran berasaskan sekolah. Pentaksiran ini dapat menilai secara holistik dan dapat membantu memperbaiki dan meningkatkan mutu pengajaran. Murid juga dapat belajar menguasai kemahiran sedia ada dan membentuk kemahiran baru. Namun guru memainkan peranan penting dan perlu diberikan banyak latihan dalam mendalami pengetahuan tentang pentaksiran agar pentaksiran yang dijalankan kepada murid berkesan dan telus mengikut tahap kemahiran murid masing-masing. Persekitaran sekolah dan kemudahan infrastruktur serta bahan untuk pentaksiran juga harus disediakan oleh pihak sekolah agar proses pentaksiran dapat dilaksanakan dengan afektif dan berkesan.

Kesimpulan

Secara keseluruhannya, Pentaksiran Berasaskan Sekolah merupakan satu proses pentaksiran yang sangat baik kerana dapat menilai individu pelajar secara menyeluruh dan holistik. Namun, penambahbaikan perlu dibuat dari semasa ke semasa supaya guru lebih bersedia dan dapat

menyiapkan serta merancang aktiviti serta perancangan yang lebih baik hasil daripada pengalaman dengan mengambil kira pelbagai aspek kekuatan serta kelemahan yang berlaku semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Dari aspek bilangan murid di dalam kelas juga patut dikurangkan supaya aktiviti lebih mudah dijalankan dan lebih berfokus kepada setiap murid. Sesi membimbing murid juga dapat dijalankan secara terus dan murid secara tidak langsung dapat memperbaiki pembelajaran dengan bimbingan guru dan rakan. Ini sekali gus membantu memudahkan guru untuk menentukan band atau penilaian dapat dijalankan dengan baik. Bakat sedia ada murid juga dapat dikenal pasti oleh guru dan dapat menambahkan lagi kemahiran kepada murid yang berbakat manakala murid yang kurang berbakat dapat dibimbing.

Dalam melaksanakan sesuatu yang bersifat menyeluruh ini, guru seharusnya perlu lebih bersedia serta lebih kreatif dalam menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran. Namun rata-rata guru telah menunjukkan komitmen yang baik dan sangat komited dalam menjalankan aktiviti walaupun perlu membuat perancangan yang lebih teliti. Ini kerana pengalaman merupakan guru yang terbaik. Justeru, guru akan menjadi lebih kreatif dan inovatif dari masa ke semasa dalam menjalankan pentaksiran sekiranya penambahbaikan dijalankan mengikut hasil pemantauan yang telah dibuat.

Kesimpulannya, dapatan kajian menunjukkan walaupun PBS sepatutnya lebih menekankan kepada PUP (kognitif, psikomotor dan afektif), PKP (kognitif) masih diberi penekanan yang lebih dalam penilaian atas faktor jumlah pelajar, sikap guru, pengurusan dan persekitaran. Kajian ini diharap dapat membantu guru-guru mengenal pasti proses dan teknik pengajaran yang digunakan supaya selari dan bersesuaian dengan pentaksiran yang hendak dijalankan. Namun kajian yang dijalankan ini hanya untuk mengenal pasti proses pentaksiran yang digunakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran seni halus catan tingkatan dua. Mungkin kajian ini boleh diperluaskan lagi dalam mengkaji satu proses yang bersesuaian untuk digunakan dalam mentaksir subjek seni yang subjektif ini selain yang bersifat formatif dan sumatif.

Rujukan

- Airasian, P. W. & Russell. M. K. (2008). *Classroom assessment: Concepts and Applications (6th ed.)*. New York: McGraw-Hill.
- Alexander, Kay and Day, Micheal (eds.) 1992) *Disipline-based Art Education. A Curriculum sampler*, New York: Oxford University Press.
- Davies. A, Herbst.S, Reynolds (2011). *Leading the Way to Assessment for Learning: A Practical Guide*. United States of America: Solution Tree Press
- Dewan Masyarakat (2013). *Pendidikan: Sebelas Anjakan Utama Transformasi Sistem Pendidikan Negara*. Bangi: Utusan Printcorp Sdn Bhd
- Fullan. M. (2011). *Makna Baharu Perubahan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia
- Jamilah Omar (2013). "Outdoor Sketching" *Pengalaman Pembelajaran PSV Komprehensif. Seni: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris
- Jamaliah Abdul Hamid, Norashimah Ismail (2005). *Pengurusan & Kepimpinan Pendidikan: Teori, Polisi dan Pelaksanaan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia
- Khodori, A & Jamil, A (2002). *Kesan Pentaksiran Berasaskan Sekolah ke atas Sistem Pendidikan Kebangsaan*. Kertas kerja dibentang dalam Kolokium Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah anjuran Unit Penyelidikan Asas di USM Pulau Pinang.

- Lembaga Peperiksaan Malaysia (2012). Dokumen Standard Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS), Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mook, S. S (2013). *Nota Intisari Ilmu Pendidikan: Pedagogi untuk Pengajaran & Pembelajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn Bhd Noraini Idris, 2010. *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Malaysia: Mc Graw-Hill.
- Mokhtar Ismail (2009). *Pentaksiran Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Noor Azam (2013). *Perspektif: Matlamat Pendidikan Tersasar Makin Jauh*. Dewan Masyarakat. Bangi: Utusan Printcorp Sdn Bhd
- Othman Lebar, 2012. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah: Huraian Sukatan Pendidikan Seni Visual. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Rayment. T (2011). *101 Senarai Penting tentang Pentaksiran*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Torrance, E.P. (1989). *Scientific views of creativity and factors affecting its Growth*. In J. Kagan, ed., 'Creativity and Learning'. Boston: Houghton Mifflin
- Wan Zah Wan Ali, Tajularipin Sulaiman (2008). *Pendidikan di Sekolah: Isu dan Cabaran*. Serdang: Universiti Putra Malaysia